

18 OCT 1998

Mahathir-Deepavali

DR MAHATHIR: RAKYAT BERDISIPLIN DAN BERSATU-PADU HADAPI MASALAH EKONOMI

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sikap berdisiplin dan bersatu-padu yang diamalkan rakyat berbilang kaum di negara ini membolehkan Malaysia mengharungi masalah kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham dengan baik.

"Hari ini, kita dapat melihat usaha-usaha yang telah kita jalankan seperti kawalan tukaran matawang asing sedikit sebanyak telah berjaya memperbaiki ekonomi negara kita," katanya dalam perutusan sempena perayaan Deepavali esok.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus bersyukur kerana walaupun negara mengalami kerumitan ekonomi, kehidupan rakyat masih tidak terjejas teruk jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

"Berbanding dengan negara lain, rakyat kita masih mampu lagi membeli makanan, pakaian dan ubat-ubatan yang secukupnya bagi diri kita dan keluarga kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara tetap aman walaupun terdapat usaha oleh sesetengah pihak untuk menimbulkan huru-hara.

Beliau juga berharap Deepavali kali ini tetap disambut meriah seperti juga tahun-tahun lepas.

"Kuih-muih, makanan dan minuman akan tetap terhidang bagi keluarga kita, sanak saudara dan sahabat handai yang berkunjung ke rumah kita. Inilah keistimewaan yang terdapat pada kita rakyat Malaysia," katanya.

Kata Dr Mahathir lagi, budaya kunjung-mengunjungi harus diteruskan kerana ia dapat mempererat lagi hubungan antara kaum di samping meningkatkan lagi sikap toleransi dan faham-memahami antara kaum yang telah sekian lama membawa negara ke arah kemajuan dan kemakmuran.

Sementara itu Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) dalam kenyataannya meminta penganut Hindu supaya bersikap sederhana semasa berbelanja dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang.

Presidennya Datuk M. Keyveas berkata, perayaan Deepavali bukan sahaja dapat menggembirakan penganut Hindu tetapi dapat menjalin semangat perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum melalui amalan rumah terbuka.

-- BERNAMA

APG oba